

02 OCT 2003

LIMA-MOU

PM SAKSI PERMETERIAN LAPAN MoU DAN PERJANJIAN STRATEGIK

LANGKAWI, 2 Okt (Bernama) -- Segmen maritim Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2003 hari ini menyaksikan beberapa permeterian Memorandum Persefahaman (MoU) dan kerjasama strategik antara syarikat-syarikat tempatan dan rakan kongsi asing mereka.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sebelumnya merasmikan Langkawi International Yacht Registry, menyaksikan majlis permeterian itu.

MoU pertama adalah antara anak syarikat Business Focus, PSC Defence Technologies Sdn Bhd dengan Bofors Defence AB dari Sweden bagi kerjasama mengeluarkan alat-alat ganti senjata untuk Bofors.

Anak syarikat Business Focus yang lain, PSC Marine Technology Academy Sdn Bhd, turut memeterai MoU untuk bekerjasama dan mengoptimumkan sumber bagi melatih anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dengan Drastech Corporation Sdn Bhd.

Dr Mahathir juga menyaksikan permeterian perjanjian kerjasama strategik antara Malaysian Heavy Industry Group Sdn Bhd dengan Daewoo Heavy Industries and Machinery dari Korea Selatan untuk mengeluarkan enjin diesel buatan Malaysia bagi sektor maritim dan perindustrian.

Majlis itu turut dihadiri oleh pengerusi eksekutif Business Focus, Tan Sri Amin Shah Omar Shah; Ketua TLDM, Laksamana Datuk Mohd Anwar Mohd Noor; dan Laksamana Madya (B) Tan Sri Abdul Wahab Nawi daripada HW Lima Sdn Bhd

Perjanjian perkongsian dan kerjasama strategik untuk membina 1,000 kapal perikanan luar pantai turut dimeterai antara Penang Shipbuilding and Construction Sdn Bhd, Bonafide Shipbuilders and Repairs Sdn Bhd, Kay Marine Sdn Bhd dan Sin Matu Shipyard Sdn Bhd.

System Consultancy Services (SCS) dari Malaysia dan EADS Deutschland GmbH dari Jerman juga memeterai MoU untuk memajukan sistem kawalan pertahanan udara.

Majlis itu juga menyaksikan Jabatan Bomba dan Penyelamat memeterai surat penerimaan lima unit Bot Pencegah Kebakaran 11m manakala Jabatan Kastam Diraja Malaysia menerima dua unit Bot Rondaan Laju 15.25m daripada Destination Marine Services.

Ketua Pengarah Jabatan Kastam Tan Sri Abdul Halil Mutalib, dan Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Datuk Sidek Thamby hadir untuk menerima bot-bot tersebut.

Jabatan Kastam dan Dawn Enterprise Sdn Bhd turut memeterai kontrak bagi reka bentuk, pembinaan dan penghantaran empat unit bot Interceptor Craft.

Kontrak itu juga bagi penyediaan dua set bot seberat 20 tan metrik dan sistem pengangkatan, tiga tahun gantian asas dan alat ganti. -- BERNAMA

MHI AHH TJK ZK